

Negara Islam: DAP mungkin tuntutan perisytiharan. kehakiman

PULAU PINANG 15 Jun — DAP tidak teragak-agak untuk menuntut perisytiharan kehakiman berhubung kedudukan Malaysia sebagai negara Islam seperti diumumkan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, jika Perdana Menteri terus mengulanginya.

Timbalan Pengerusi DAP Kebangsaan Karpal Singh mendakwa ini kerana perkara itu bercanggah dengan Artikel 3(1) Perlembagaan Persekutuan.

Katanya, Dr. Mahathir tidak boleh secara satu pihak sahaja mengisytiharkan Malaysia sebagai negara Islam kerana Artikel 3(1) jelas menyatakan ia sebagai negara sekular dengan Islam sebagai agama rasmi.

Sehubungan itu, beliau meminta Peguam Negara, Datuk Abdul Ghani Patail sebagai penasihat undang-undang bagi pihak kerajaan agar menasihati Perdana Menteri tentang impak serta realiti Artikel 3(1).

“Tiga Perdana Menteri terdahulu tidak mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam. Mungkin sebagai peguam, mereka (Perdana Menteri terdahulu) memahami impak serta maksud peruntukan artikel tersebut,” katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Karpal, DAP menentang sebarang usaha untuk mewujudkan negara Islam sama ada oleh UMNO atau Pas.

“DAP keluar daripada pakatan pembangkang pada September tahun lalu selepas Timbalan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengumumkan untuk menubuhkan negara Islam jika Pas berkuasa di negara ini,” ujarnya.